

03 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (PM)

SAYA ADA JUMPA PM, KATA AZIZAN

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa beliau ada berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Saksi ke-12 pada perbicaraan kes rasuah Anwar, yang juga bekas timbalan perdana menteri, berkata perjumpaan dengan Dr Mahathir diadakan pada 24 Ogos lepas, iaitu satu-satunya pertemuan beliau dengan Perdana Menteri.

Azizan, eksekutif pemasaran dan petadbiran sebuah syarikat di Alor Gajah, Melaka, berkata demikian semasa pemeriksaan balas peguam Anwar, Christopher Fernando pada perbicaraan terhadap Anwar, 51, yang juga bekas menteri kewangan.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbicaraan itu didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Bagaimanapun, Fernando tidak menyoal lanjut berhubung pertemuan Azizan dengan Perdana Menteri. Selepas itu, Hakim Paul menangguhkan perbicaraan selama 10 minit setelah Fernando mengadakan perbincangan ringkas dengan peguam-peguam lain Anwar.

Sebelum itu, semasa ditanya sama ada beliau berjumpa dengan Datuk Aziz Shamsuddin dan Tun Daim Zainuddin, Azizan berkata: " Saya tidak pernah jumpa dengan mereka, ".

Aziz ialah setiausaha politik Dr Mahathir manakala Daim pada ketika itu ialah Penasihat Ekonomi Negara.

Bagaimanapun, Azizan, yang juga bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Ismail, berkata beliau mengakui berjumpa dengan seorang lelaki dikenali sebagai Mohd Taib Salomon.

Sebelum ini, mahkamah telah diberitahu bahawa Mohd Taib Salomon merupakan bekas pegawai polis yang menyamar sebagai pegawai polis Cawangan Khas.

Azizan berkata beliau berjumpa Mohd Taib selepas pengakuan bersumpahnya bertarikh 5 Ogos 1997 siap.

Beliau berkata walaupun pada mulanya Ummi Hafilda Ali, wanita yang beliau maklumkan mengenai kejadian beliau diliwat Anwar, tidak memberitahunya bahawa maklumat itu akan diberikan kepada Perdana Menteri, Ummi Hafilda kemudian meminta kebenarannya untuk menghantar surat itu kepada Dr Mahathir.

Ummi Hafilda ialah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Dr Mahathir, dan merupakan adik Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha peribadi Anwar.

Kepada soalan lain, Azizan berkata walaupun beliau tidak bersama-sama Ummi Hafilda semasa surat pengakuan bersumpah itu disiapkan, surat itu disediakan dengan persetujuan beliau.

Menurutnya semasa beliau sampai di pejabat Ummi Hafilda, surat itu telah siap ditaip dengan fakta-fakta itu diberikannya kepada wanita itu.

Fernando: Adakah awak memberi maklumat mengenai tarikh dan masa kejadian itu?

Azizan: Tidak, saya tidak berikan tarikh dan masa kejadian kerana setiap kejadian saya tidak ingat waktunya.

Menurutnya beliau hanya memberitahu mengenai berapa kali kejadian itu dan tempat berlakunya perbuatan itu.

Fernando: Ada beritahu (kejadian itu pada waktu) siang atau malam?

Azizan: Ianya selalu berlaku pada sebelah malam hari.

Fernando: Masa.

Azizan: Seperti yang saya kata, saya tak ingat waktunya.

Fernando: Lebih kurang pukul berapa?

Azizan: Yang saya ingat, ianya berlaku sekitar jam 7.30 hingga 8.30 malam.

Pada ketika ini, kelihatan anggota keluarga Anwar bercakap sesama mereka dan ada yang ketawa sambil menyebut bahawa ia adalah waktu solat Maghrib.

Fernando: Adakah awak daftar di mana-mana hotel ?

Abdul Gani: Yang Arif, soalan itu soalan umum, soalan perlu diberikan secara spesifik bagi memudahkan saksi menjawab.

Hakim Paul: Ianya tentu berkaitan kes ini, tidak mungkin ianya berkaitan pendaftaran masuk saksi ke hotel bersama bapanya (berkata sambil berseloroh)

Semasa menjawab soalan itu, Azizan berkata: "Saya tidak ingat sama ada saya ada mendaftar masuk ke hotel."

Ketika ditanya mengenai pengakuan bersumpahnya yang tidak dibuat di hadapan majistret atau pesuruhjaya sumpah, Azizan berkata beliau tidak berbuat demikian kerana "saya tidak faham sama ada ianya sah atau tidak di sisi undang-undang tetapi saya bersumpah dengan nama Allah yang Maha Esa".

Beliau berkata Ummi Hafilda juga tidak memintanya berbuat demikian.

-- BERNAMA

NHD AHH NAK